

11/03/1999

Pas: Menang sorak kampung tergadai

A Kadir Jasin

APA juga keputusan pembuangan undi pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah Jumaat dan Sabtu ini, sebuah parti sudah pun layak diisytiharkan 'pemenang'.

Parti itu ialah Pas dan kemenangan awal yang diperolehinya adalah kerana kelaungan tempik dan soraknya.

Tidak mengapa kalau tempik dan sorak itu berkesudahan dengan kampung tergadai.

Malah inilah yang mungkin berlaku kepada parti itu dalam percubaannya kali ini untuk memenangi hati dan undi rakyat Sabah.

Berpandukan rekod pencapaiannya dalam pilihan raya negeri 1994, harapan Pas hampir-hampir tidak wujud.

Malahan jika sokongan terhadapnya tidak meningkat dengan hebat, calonnya di enam kawasan yang ditandingi mungkin hilang wang pertaruhan.

Inilah yang berlaku kepada ketiga-tiga calon parti itu dalam pilihan raya negeri yang lalu. Semua mereka hilang wang pertaruhan.

Di Merotai, calonnya Mohamad Abdullah memperolehi 164 undi berbanding 9,515 yang diperolehi calon BN, Abdul Ghafur Salleh dan 3,362 oleh calon PBS, Mohd Said Senang Noor Gerenggang.

Calonnya bagi kawasan Sri Tanjung, Armanus Arshad memperolehi 197 undi manakala wakil PBS, Datuk Michael Lim Yun Sang mendapat 8,637 undi dan BN, Yee Lung Fook 7,711 undi.

Di Balung, calon Pas, Ahmad Awang hanya mendapat 75 undi berbanding 7,730 yang diperolehi Abdul Manan Jakasa (BN) dan 5,312 diraih Datuk Sari Suhut (PBS).

Tetapi ini tidak menghalang Pas dan lidah rasminya mendabik dada serta menjerit: "Masa depan Pas Sabah cemerlang", "BN diramal terima pukulan maut", "Sabah tentukan usia Umno" dan "Sabah tanah subur untuk Pas".

Walaupun Pas mengakui dirinya parti Islam dan pemimpinnya tidak teragak-agak menuduh pihak lain tidak Islam atau kurang Islam, tindak-tanduknya kerap tidak mencerminkan Islam.

Menuduh orang yang tidak menyokongnya sebagai tidak Islam atau kafir pastilah bukan perbuatan yang diestuai Islam.

Islam tidak sewenang-wenangnya mencurigai keislaman seseorang apatah lagi menuduhnya kafir, namun itulah yang dilakukan Pas sejak pilihan raya umum 1969.

Sombong, bongkak dan cakap besar adalah antara sifat yang dibenci Islam, tetapi inilah juga ciri-ciri yang mewarnai kempen Pas di mana sahaja ia diadakan serta menjadi tajuk utama lidah rasminya.

Kalau Pas benar-benar berpegang kepada Islam dan yakin pula dengan peluangnya memenangi kerusi yang ditandinginya di Sabah, ia tidak pula menampilkan ciri-ciri itu.

Ia lebih berupa "cakap tidak serupa bikin". Misalnya, tidak ada pemimpin besar Pas dari Semenanjung yang berkempen di Sabah.

Setakat ini, pemimpin terkanan parti itu dari Semenanjung yang berkempen di Sabah ialah Mohamad Sabu, walaupun ada ura-ura mengatakan beberapa pemimpin besarnya akan berada di Sabah sebelum pengundian bermula.

Ini berlainan sekali dengan BN yang menunjukkan kesungguhannya memenangi pilihan raya itu dan membela rakyat Sabah dengan membabitkan pemimpin tertingginya, termasuk pengerusinya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengundi Sabah, khasnya yang beragama Islam, tentulah mahu mendengar

terus daripada pemimpin kanan Pas apa yang boleh dilakukan parti itu untuk mereka.

Sebagaimana pengundi di Semenanjung, mereka juga berhak bersemuka dengan pemimpin besar Pas, apatah lagi apabila parti itu meletakkan lebih banyak calon dalam pilihan raya negeri kali ini. Pas bertanding di enam kawasan - Tempasuk, Likas, Sekong, Sukau, Merotai dan Sri Tanjung.

Atau apakah Pas meletakkan calon di Sabah semata-mata untuk menggunakan pilihan raya negeri itu sebagai landasan menghalalkan maki-hamunnya terhadap BN dan Kerajaan?

Matlamat sebenarnya bukanlah memenangi hati dan undi rakyat Sabah atau membela mereka, tetapi mencari kesempatan untuk berkempen menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ertinya, Pas sedar ia tidak mempunyai peluang untuk memenangi sebarang kerusi di Sabah atau benar-benar berhasrat membela nasib rakyat Sabah.

Ia sekadar menggunakan pilihan raya Sabah untuk mendapatkan gelaran parti kebangsaan dan menggunakannya untuk menyiapkan diri menghadapi pilihan raya di Semenanjung.

Dalam erti kata lain, Pas sekadar memperalatkan pilihan raya Sabah untuk mendabik dada mengatakan "kami parti nasional". Bagi Pas, adalah satu penghinaan kalau Umno boleh bertapak di Sabah tetapi ia tidak mempunyai sebarang peranan.

Ketidakhadiran pemimpin besar Pas di Sabah atau hadir hanya di saat-saat akhir bercanggah dengan dakwaan parti itu bahawa ia tidak membezakan negeri, wilayah atau asal-usul seseorang.

Baru-baru ini pertubuhan itu menyatakan bahawa tokoh-tokoh Pas dari luar Kelantan mungkin dibawa bertanding di negeri berkenaan dalam pilihan raya akan datang.

Ada dua sebab ia berbuat demikian. Pertama, ia yakin terus menguasai Kelantan dan kedua, banyak pemimpin Pas di luar Kelantan tidak merasa menjadi wakil rakyat kalau tidak bertanding di negeri itu.

Jika dalam sehari dua ini tiada sesuatu yang menakjubkan atau ajaib berlaku, bukan Umno atau BN yang akan terkubur di Sabah, tetapi Pas.

Hatta harapan calon-calonnya mengekalkan wang pertaruhan pun nampaknya kabur.

Pengundi Sabah mungkin "mengajar" Pas seperti mereka mengajar Parti Tindakan Demokratik. DAP yang menyertai pilihan raya Dewan Undangan Sabah sejak 1985 gagal memenangi sebarang kerusi.

Ia nampaknya sudah serik kerana kali ini tidak pun meletakkan calon.

Mungkin sekarang giliran Pas pula menerima pukulan maut daripada pengundi Sabah.

(END)